



PRAKTIS SUBJEKTIF

BUKU TEKS
m. 178

1. Lengkapkan ayat berikut mengenai Sarawak dan Sabah sebagai sebahagian daripada kerajaan Alam Melayu.

(a) Kemunculan pusat pembuatan tembikar di _____, Sarawak dan di _____, Semporna, Sabah membuktikan penduduk di pesisir Sarawak dan Sabah telah mempunyai hubungan dengan Alam Melayu dan dunia luar.

(b) _____ muncul sebagai pelabuhan di lembah sungai Sarawak. Pelbagai barangan dijumpai di pelabuhan tersebut seperti barangan tembikar zaman Dinasti T'ang dan Sung.

(c) Pelabuhan tersebut membekalkan kapur barus, _____, lilin lebah dan kulit penyu.

(d) Kemajuan pesat perdagangan di Sarawak dan Sabah menarik minat kerajaan di Alam Melayu untuk meluaskan pengaruhnya. Hal ini menyebabkan kawasan di pesisir _____ merupakan zon tamadun Melayu menerima pengaruh kerajaan di Alam Melayu.

(e) Kerajaan Srivijaya pernah meluaskan pengaruhnya di selatan Sarawak bertujuan mengawal _____ di Laut China Selatan.

(f) Penemuan _____ jenis Moko di Pulau Banggi, Sabah membuktikan terdapat hubungan perdagangan antara kerajaan Majapahit dengan penduduk di utara Sabah.

(g) Perkembangan pengaruh Kesultanan Melayu Brunei dan Kesultanan Sulu di kawasan barat dan utara pantai Pulau Borneo bermula sejak kemerosotan _____